

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Oktober/November 1991

PDP 471 - Perspektif Sejarah dan Falsafah Dalam Pendidikan

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Sebelum pihak penjajah memperkenalkan sistem pendidikan sekular, penduduk di Malaysia sudah pun mempunyai sistem pendidikannya yang tersendiri yang berteraskan ke Agamaan. Bincangkan ciri-ciri yang dapat menunjukkan perbezaan yang nyata di antara sistem pendidikan peribumi ini dengan sistem pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh pihak penjajah.

(25 markah)

2. Nyatakan ciri-ciri utama yang membezakan di antara Aliran Perenialist dan Aliran Progresif. Bincangkan satu daripada Aliran ini dengan merujuk kepada matlamat pendidikan, proses pendidikan, kurikulum dan peranan guru.

(25 markah)

3. Dengan merujuk kepada falsafah, perakuan-perakuan dan proses pelaksanaannya buat satu analisis yang kritikal terhadap Penyata Razak (1956).

(25 markah)

4. "Kontroversi yang timbul daripada 'isu bahasa pengantar di sekolah' sebagaimana yang diperakukan oleh Penyata Razak (1956, perenggan 12) menjadi begitu serius apabila digunakan dalam dimensi etnik dan politik. Dalam kontek inilah isu bahasa dan pendidikan menjadi 'isu-tunggal' politik dalam dekad pertama negara ini mencapai kemerdekaannya. Isunya begitu hangat sehingga pihak pemerintah telah menggunakan dasar pembekuan dan justeru itu tidak melaksanakannya."

Bincangkan pernyataan ini dengan melihat isu bahasa kebangsaan dalam konteks proses pembinaan negara dan halangan-halangan yang dihadapi untuk ia dilaksanakan di dalam sistem pendidikan Malaysia.

(25 markah)

...2/-

5. Sebagai satu alat kawalan sosial, pemerintah Inggeris telah memperkenalkan sistem pendidikan vernakular kepada orang Melayu, dan melaksanakan kurikulum yang bercorak vokesyenal dan kedesaan. Dengan memberi contoh-contoh yang spesifik, sejauh manakah pemerintah Inggeris berjaya mencapai matlamatnya ini. (25 markah)
6. Paulo Freire (1970) berpendapat bahawa untuk mencapai tahap konsientizasi, proses pendidikan bank hendaklah digantikan dengan kaedah pengemukaan masalah kerana dengan cara inilah manusia dapat 'dibebaskan' dalam erti kata yang sebenarnya. Bincangkan. (25 markah)
7. Buat satu analisis yang kritikal terhadap Falsafah Pendidikan Malaysia. Sejauh manakah anda dapat mengaitkan Falsafah tersebut dengan aliran-aliran semasa yang dipelajari di dalam kursus ini. (25 markah)
8. Rousseau telah mencadangkan jenis-jenis pendidikan yang patut diberikan kepada kanak-kanak. Bincangkan ide-ide beliau di dalam kontek pendidikan masakini. (25 markah)

- 0000000 -